



UNSUR SURREALISME DI DALAM SENI VIDEO PEMASANGAN

Amirul Bin Selih

Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Keputjian

(Seni Halus)

2018

UNSUR SURREALISME DI DALAM SENI VIDEO PEMASANGAN

Amirul Bin Selih

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian
(Seni Halus)

Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
2018

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Grade: _____

Please tick (✓)

Final Year Project Report

Masters

PhD

DECLARATION OF ORIGINAL WORK

This declaration is made on theday of.....2018.

Student's Declaration:

I, **AMIRUL BIN SELIH (51190) FACULTY OF APPLIED AND CREATIVE ARTS** hereby declare that the work entitled **UNSUR SURREALISME DI DALAM SENI VIDEO PEMASANGAN** is my original work. I have not copied from any other students' work or from any other sources except where due reference or acknowledgement is made explicitly in the text, nor has any part been written for me by another person.

Date submitted

Amirul Bin Selih (51190)

Supervisor's Declaration:

I, **ASLINA BINTI MOHD JAINAL** hereby certifies that the work entitled **UNSUR SURREALISME DI DALAM SENI VIDEO PEMASANGAN** was prepared by the above named student, and was submitted to **the FACULTY OF APPLIED AND CREATIVE ARTS** as a *partial / full fulfillment for the conferment of **BACHELOR OF APPLIED ARTS HONOURS (FINE ART)** and the aforementioned work, to the best of my knowledge, is the said student's work.

Received for examination by:
Cik Aslina Binti Mohd Jainal

Date: _____

I declare that Project/Thesis is classified as (Please tick (√)):

- CONFIDENTIAL** (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)*
- RESTRICTED** (Contains restricted information as specified by the organisation where research was done)*
- OPEN ACCESS**

Validation of Project/Thesis

I therefore duly affirmed with free consent and willingness declare that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abiding interest and rights as follows:

- This Project/Thesis is the sole legal property of Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies for the purpose of academic and research only and not for other purpose.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitalise the content for the Local Content Database.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic exchange between Higher Learning Institute.
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.

Student signature: _____
()

Supervisor signature: _____
()

Current Address:

**KAMPUNG TOBOH BARU,
89000 PEKAN KENINGAU, SABAH**

Notes: * If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organization with the period and reasons of confidentiality and restriction.

[The instrument is duly prepared by The Centre for Academic Information Services]

PENGESAHAN

Adalah ini diakui bahawa saya, **Amirul Bin Selih** disertai penulisan yang bertajuk **Unsur Surrealisme Di Dalam Seni Video Pemasangan** sebagai sebahagian daripada keperluan untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian (**Seni Halus**).

Disahkan oleh:

(Cik Aslina Binti Mohd Jainal)

Penyelia

PENGAKUAN

Projek bertajuk **Unsur Surrealisme Di Dalam Seni Video Pemasangan** telah disediakan oleh **Amirul Bin Selih** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian (**Seni Halus**).

Diterima untuk diperiksa oleh:

(Cik Aslina Binti Mohd Jainal)

Penyelia

Tarikh:

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Ilahi dengan limpah kurniaan-Nya kerana telah menganugerahkan kesihatan tubuh badan, nikmat masa dan tenaga kepada saya untuk menyiapkan tugas ini dengan jayanya.

Pertama kali saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Dekan Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, Prof Madya Dr. Wan Jamarul Imran bin Abdullah Thani dan semua kakitangan fakulti yang telah banyak membantu saya secara langsung dan tidak langsung. Seterusnya kepada pensyarah Seni Halus yang juga merupakan penyelia saya, Cik Aslina Binti Mohd Jainal kerana dengan tunjuk ajar, nasihat serta bimbingan daripada beliau telah membantu saya menyiapkan tugas projek tahun akhir dengan jayanya.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada kedua ibu bapa saya yang telah banyak memberi nasihat semangat dan doa kesejahteraan untuk saya menjayakan tugas ini.

Tidak dilupakan juga, ucapan penghargaan ini kepada sahabat-sahabat yang telah banyak memberi pandangan dan bantuan secara fizikal dan mental semasa menjalankan kajian dan menyiapkan projek tahun akhir ini. Akhir sekali, terima kasih kepada pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan projek tahun akhir ini, tanpa mereka saya tidak dapat menjalankan tugas ini dengan sempurna.

ISI KANDUNGAN

PERKARA	HALAMAN
Borang Pengesahan Status Laporan	I - ii
Pengesahan	iii
Pengakuan	iv
Penghargaan	v
Isi Kandungan	vi - viii
Abstrak	x
1.0 PENGENALAN	1
1.1 Latar Belakang Kajian	1-2
1.2 Pernyataan Masalah	3
1.3 Objektif Kajian	3
1.4 Persoalan Kajian	3
1.5 Kepentingan Kajian	4
1.6 Kesimpulan	4
2.0 SOROTAN KAJIAN	5
2.1 Pengenalan	5
2.2 Bahan Bacaan	5
2.2.1 Surrealisme	5 - 7
a) Teori	7 - 8
b) Konsep dan Karakteristik	8 - 9
i. Catan Surrealisme	9 - 10
ii. Objek dan Arca Surrealisme	10 - 11
iii. Fotografi Surrealisme	11
iv. Filem Surrealisme	12
2.2.2 Seni Video	12 - 13
a) Konsep Dan Karakteristik	13
i. Video Pemasangan	14
ii. Video Pelbagai Saluran	14 - 15
2.3 Karya Rujukan	16 - 21
2.4 Kesimpulan	22

3.0 METODOLOGI KAJIAN	23
3.1 Pengenalan	23
3.2 Proses Pengumpulan Data	23
3.2.1 Kaedah Primer	23
a) Pemerhatian	23 - 24
b) Soal Selidik	24
c) Temu Bual	24
3.2.2 Kaedah Sekunder	25
a) Buku	25
b) Jurnal	25
c) Internet	26
3.3 Kesimpulan	26
4.0 DAPATAN KAJIAN	27
4.1 Pengenalan	27
4.2 Dapatan Kajian	27
a) Pemerhatian	27 - 28
b) Temubual	28 - 29
c) Eksperimen	29
4.3 Ulasan Karya Akhir	30
4.4 Idea dan Konsep	30 - 31
4.5 Lakaran Awal dan Pelan	32
a) Lakaran Awal	32 - 33
b) Perkembangan Idea	34 - 35
c) Lakaran Akhir	36
4.6 Kajian Teknikal	36 - 38
4.7 Proses Penghasilan Karya	38 - 43
4.8 Kesimpulan	44
5.0 RUMUSAN	45 - 46
RUJUKAN	47 - 48

Abstrak

Penyelidikan ini memberi fokus kepada pengaplikasian unsur surrealisme untuk divisualkan dalam bentuk karya seni video pemasangan yang terhasil daripada akhir pengkaryaan. Pengkaji telah membuat analisis berkenaan pengertian, konsep dan teori dalam aliran surrealisme dan seni video pemasangan. Penyelidikan ini juga bertujuan mengenal pasti elemen-elemen aliran surrealisme untuk diterjemah dalam bentuk video pemasangan. Dapatan kajian ini telah dizahirkan melalui penghasilan karya seni video instalasi bertajuk ‘Huminodun’ yang memaparkan cerita mitos berkenaan dengan semangat padi bagi masyarakat Kadazan-Dusun yang bertujuan untuk dikongsi bersama khalayak ramai.

1.0 PENGENALAN

Di dalam bab ini, pengkaji mengkaji berkenaan dengan pendekatan surrealisme dan pengaplikasiannya untuk dipersembahkan di dalam karya berbentuk seni video pemasangan. Pengkaji menerangkan berkenaan dengan pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian serta kepentingan kajian ini dijalankan. Selain itu pengkaji juga menerangkan kata kunci yang digunakan di dalam kajian iaitu seni video pemasangan dan surrealisme. Kesimpulannya, hasil dapatan daripada kajian ini digunakan oleh pengkaji untuk menghasilkan karya seni video pemasangan yang menggunakan unsur surrealisme di dalamnya.

1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Pada zaman teknologi moden ini, penghasilan karya seni tidak lagi terikat dengan hanya menggunakan teknik konvensional seperti catan dan arca, tetapi teknologi juga telah dibuktikan mampu diaplikasikan dalam penghasilan karya seni yang mana masih menerapkan elemen-elemen seni sedia ada. Di dalam dunia seni kontemporari, kita seharusnya tidak terikat dengan hanya fokus pada satu media dalam penghasilan karya tetapi berkebolehan menggunakan pelbagai media yang ada. Contohnya, penggunaan seni video pemasangan dalam menghasilkan karya berbentuk surrealisme.

Surrealisme adalah pergerakan budaya yang bermula pada awal 1920-an dan terkenal dengan karya visual dan penulisannya. Tujuannya adalah untuk menyelesaikan percanggahan kondisi pada mimpi dan realiti. Artis menghasilkan gambaran yang tidak logik dan menghasilkan catan yang memberi ekspresi pada imaginasi bawah sedar.

(André Breton,1924). Andre Breton mendefinisikan surrealisme sebagai automatism saikik (*psychic*) yang paling asli, digunakan untuk mengekspresikan sama ada secara tulisan, percakapan atau mana-mana cara.

Manakala Seni video pula ialah satu bentuk seni yang bergantung pada imej bergerak secara visual serta audio sebagai medium. Menurut (Hartney, 2011) seni video boleh dihasilkan daripada pelbagai bentuk daripada siaran yang dirakam, seni pemasangan seperti di galeri dan muzium, secara dalam maya (atas talian), diedar sebagai pita video atau DVD dan persembahan dimana ia memerlukan satu atau lebih set televisyen, monitor dan projektor untuk menunjukkan imej secara langsung ataupun rakaman.

Kesimpulannya, kajian ini menerangkan bagaimana unsur aliran surrealisme dapat diaplikasikan di dalam sesebuah karya berbentuk seni video pemasangan. Hasil daripada data dan sumber yang telah dikumpul oleh pengkaji akan digunakan untuk diaplikasikan dalam penghasilan karya peribadi. Pada akhir kajian ini, pengkaji dapat menghasilkan sebuah karya seni video pemasangan berunsurkan elemen surrealisme dengan lebih tersusun dan sistematik.

1.2 PERNYATAAN MASALAH

Menurut Barnes (2001) unsur surrealisme sering digunakan dalam menghasilkan sebuah karya seni berbentuk seni catan, fotografi, seni video atau digunakan dalam penghasilan filem. Penggunaan video sebagai kaedah di dalam menghasilkan karya seni juga telah lama dipraktikkan. Berdasarkan pernyataan ini, pengkaji ingin mengkaji bagaimanakah unsur surrealisme dapat diterjemah secara visual dalam konteks seni video pemasangan.

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

- i. Mengenalpasti pengertian, konsep dan teori dalam aliran surrealisme dan seni video pemasangan.
- ii. Menganalisis elemen surrealisme untuk diterjemah dalam bentuk video pemasangan.
- iii. Menghasilkan sebuah karya seni video pemasangan yang memaparkan elemen surrealisme di dalamnya.

1.4 PERSOALAN KAJIAN

- i. Apakah yang dimaksudkan dengan aliran surrealisme dan seni video pemasangan?
- ii. Bagaimanakah elemen surrealisme diterjemah dalam bentuk seni video pemasangan?
- iii. Bagaimana menghasilkan karya seni video pemasangan peribadi yang memaparkan elemen surrealisme?

1.5 KEPENTINGAN KAJIAN

- i. Membantu para penyelidik mendapatkan maklumat tambahan sekaligus dapat membuat proses penambahbaikan terhadap topik yang dikaji untuk rujukan pada masa akan datang.
- ii. Berkongsi pengetahuan berkaitan dengan aliran surrealisme dan seni video pemasangan khususnya penggiat di dalam industri seni.
- iii. Memberi pendedahan kepada audien berkenaan dengan pendekatan surrealisme dan seni video pemasangan sebagai karya yang bersifat kontemporari.

1.6 KESIMPULAN

Kesimpulannya, pengkaji menjalankan kajian berkenaan dengan aliran surrealisme dan potensinya untuk diaplikasikan dalam bentuk seni video instalasi dengan berpandukan objektif dan persoalan serta menjawab permasalahan di dalam kajian ini. Hasil dapatan kajian ini, seterusnya digunakan oleh pengkaji untuk menghasilkan sebuah karya peribadi.

2.0 SOROTAN KAJIAN

2.1 PENGENALAN

Sorotan kajian merupakan proses pengumpulan maklumat serta mengesahkan kajian pengkaji menerusi bukti-bukti yang dikumpulkan. Sorotan kajian juga adalah bukti kepada pengkaji untuk menerangkan secara terperinci berkaitan dengan topik kajian iaitu aliran surrealisme dan seni video. Pengkaji telah melakukan kajian daripada sumber buku rujukan, artikel, jurnal dan juga laman web yang ada menyentuh berkenaan dengan topik kajian pengkaji. Fokus kepada pencarian maklumat ini ialah untuk menjawab permasalahan dan persoalan kajian ini. Semasa penyelidikan ini, pengkaji menggunakan kaedah kualitatif untuk mencari dan mengumpul data. Kaedah ini dijalankan dengan membuat penelitian data, mencari dan mengumpul bukti melalui sumber bacaan, audio, rakaman visual dan lain-lain sumber sedia ada yang berkaitan dengan tajuk kajian.

2.2 BAHAN BACAAN

2.2.1 Surrealisme

Surrealisme adalah salah satu gerakan atau aliran seni yang menonjol pada abad ke-20. Gerakan tersebut diisytiharkan oleh Andre Breton di dalam bukunya berjudul 'Surrealist Manifesto of 1924'. Sama seperti gerakan seni yang lain, surrealisme ialah hasil daripada jangka masanya di dalam sejarah tetapi tidak terikat dari tahun 1920 dan 1930 (Britannica, 2017). Kebanyakan mengatakan yang aliran surrealisme tamat selepas perang dunia kedua kerana gerakan seni pada zaman modernisme menjadi lebih popular. Menurut sesetengah penggiat seni, kematian

Andre Breton pada tahun 1966 menandakan pengakhiran gerakan tersebut sementara yang lain membidas dan mengatakan bahawa aliran tersebut masih ada hingga ke hari ini dan ditunjukkan di dalam karya-karya kontemporari.

Di dalam buku 'Surrealism' tulisan Patrick Waldberg ada menyatakan, perkataan '*surrealist*' pertama kali muncul pada tahun 1971 apabila Guillaume Apollinaire menghasilkan 'The Breasts of Tiresias' iaitu sebuah drama opera. Beliau menggambarkan ia sebagai 'Drama Surrealisme' (*Surrealist Drama*) tetapi tidak diterima oleh penyair Alcool untuk ditakrifkan sebagai satu doktrin atau ajaran, lagikan untuk menubuhkan sekolah. Walaubagaimanapun, perkataan yang beliau gunakan masih digunakan, malahan ia menjadi popular kepada ilmuan dan golongan artistik yang mengidolakan Apollinaire iaitu seorang penyair perancis (Art, 2001).

Paul Dermée menggunakannya di dalam bentuk adjektif dalam isu pertama ulasan "L'Esprit Nouveau" pada tahun 1920. Yvan Goll iaitu seorang penyair pula sepanjang hidupnya tidak berhenti menyatakan bahawa beliau yang meletakkan nilai dalam perkataan 'surrealisme' tersebut dengan itu meletakkan dirinya sebagai pencipta surrealisme sebenar (Surrealism, 1924).

Sebuah buku berjudul 'Manifeste du Surrealisme' ada menyatakan definisi kepada perkataan surrealisme seperti berikut:

"Surrealism, pure psychic automatism by which it is intended to express, either verbally or in writing, the true function of thought. Thought dictated in the absence of all control exerted by reason, and outside all aesthetic or moral preoccupations."

(Breton, A. 1924)

Selain itu, penulis buku, Cathrin Klingsohr Leroy ada menyatakan dalam bukunya berkenaan dengan surrealisme seperti berikut:

“Philosophy. Surrealism is based on the belief in the superior reality of certain form of association heretofore neglected, in the omnipotence of the dream, and in the disinterested play of thought”.

(Leroy, C. K. 2004)

Menurutnya, surrealisme adalah berdasarkan pada kepercayaan kepada realiti yang lebih tinggi yang mana menyebabkan sesetengah bentuk asal diabaikan. Ia juga lebih kepada mimpi dan penggunaan akal fikiran atau idea. Artis di dalam aliran ini diinspirasi daripada mimpi, benda ghaib dan lain-lain (Leroy, C. K. 2006).

a. Teori

Teori ahli surrealisme adalah berdasarkan pemahaman sederhana terhadap penulisan Sigmund Freud yang digubah untuk kegunaan penyair dan artis visual. Sigmund Freud ialah seorang ahli neurologi dan pengasas psikoanalisis iaitu kaedah klinikal untuk mengubati psikopatologi melalui dialog antara pesakit dan ahli psikoanalisis. Kewujudan aliran surrealisme, menjadikan Freud seorang yang terkenal pada tahun 1930 dan impaknya kepada artis di Paris pada tahun 1920.

Menurut Freud, alam tidak sedar (*unconscious*) berstruktur seperti ‘bahasa yang tidak dapat disebut namanya’ oleh kerana kerumitan sosial, keinginan terbatas dan naluri asas terbatas. Bagaimanapun, fikiran mempunyai tetapan tersendiri dimana apa yang telah dipendam mesti diluahkan melalui cara lain. Bahagian minda ini terbatas untuk ditunjukkan secara langsung tetapi

diganti dengan banyak ditunjukkan di dalam puisi dan metafora. Hasilnya adalah transformasi yang meruntuhkan realiti dan mimpi.

Freud dan ahli psikoanalisis lain menggunakan pelbagai teknik untuk menggambarkan pemikiran bawah sedar pesakit mereka. Ahli Surrealisme meminjam banyak teknik yang sama untuk merangsang penulisan dan seni mereka, dengan mempercayai bahawa kreativiti yang datang dari alam bawah sedar seseorang boleh menjadi lebih kuat dan sahih daripada apa-apa karya pemikiran sedar.

Dalam psikologi, 'automatisme' merujuk kepada tindakan dan proses luar sedar dan bukan di bawah kawalan minda contohnya, bermimpi dan bernafas. Automatisme memainkan peranan dalam teknik ahli surrealisme seperti penulisan, catan dan melukis secara spontan dan automatik. Ahli surrealisme juga sangat berminat dalam mentafsir mimpi sebagai cara menyampaikan perasaan dan keinginan yang tidak terucap. Karya yang dieksplorasi di sini tidak bermula dengan gambaran produk yang sudah siap. Sebaliknya, mereka dirangsang oleh mimpi, atau muncul dari alam bawah sedar, gabungan antara imej, teks, dan maknanya.

b. Konsep dan karakteristik

Antara karakteristik-karakteristik yang terdapat dalam karya berbentuk surrealisme ialah penerokaan kepada mimpi dan ketidaksadaran sebagai realiti yang sah dimana ia diinspirasikan daripada penulisan Sigmund Freud. Selain itu surrealisme juga mempunyai keinginan untuk melawan batas tingkah laku

sosial normal demi untuk mendapatkan pemikiran asli dan semulajadi artis tersebut.

Surrealisme juga adalah penggabungan antara spontan dan peluang selain terpengaruh dari revolusi puisi pada abad ke-19 seperti Charles Baudelaire, Arthur Rimbaud dan Isidore Ducasses. Secara asasnya, surrealisme memberi artis kebenaran untuk mengekspresikan keinginan mereka seperti kemarahan, ketakutan, seksualiti, kegembiraan dan lain-lain. Mendedahkan perasan tidak bertapis ini, contohnya mimpi, masih wujud di dalam pelbagai jenis seni pada masa kini.

i. Catan Surrealisme

Terdapat dua gaya atau teknik yang membezakan surrealisme di dalam catan. Artis seperti Salvador Dali, Yves Tanguy dan Rene Magritte melukis dengan gaya hiperrealistik yang mana menggambarkan objek secara teliti dan berserta ilusi mempunyai ruang tiga dimensi (3D), menekankan kualiti seakan-akan mimpi. Warna-warna yang digunakan di dalam karya ini kebiasaannya tepu atau monokromatik di mana keduanya bertujuan untuk menyampaikan keadaan dalam mimpi.

Beberapa ahli surrealisme juga sangat bergantung pada automatisme atau tulisan automatik sebagai cara untuk mencapai menggunakan minda tidak sedarkan diri. Artis seperti Joan Miro dan Max Ernst menggunakan pelbagai teknik untuk mencipta imej yang luar biasa termasuk kolaj dan contengan. Artis seperti Hans Arp juga membuat kolaj sebagai karya yang berdiri sendiri.

Namun begitu, teknik hiperrealistik dan automatisme tidaklah terikat kepada hanya satu gaya sahaja. Artis Joan Miro, sebagai contoh, sering menggunakan kedua-dua kaedah dalam satu karya. Namun dalam kedua-dua kes, subjek yang digambarkan sentiasa pelik dan bertujuan untuk memberi kesan mengganggu dan membingungkan (Contributors, 2018).

ii. Objek dan Arca Surrealisme

Andre Breton merasakan bahawa objek berada dalam keadaan krisis sejak awal abad ke-19 dan menganggap ianya dapat diatasi jika objek dilihat seolah-olah untuk pertama kalinya. Matlamatnya ialah menggantikan objek, menghapuskannya dari konteks yang asal. Apabila objek itu dikeluarkan dari keadaan biasa, ia dapat dilihat tanpa konteks asalnya. Kombinasi objek yang tidak sepadan ini juga bertujuan untuk mendedahkan kekuatan psikologi yang tersembunyi di bawah permukaan realiti.

Bilangan ahli Surrealisme yang dikenali kerana karya 3D mereka adalah terhad. Artis surrealisme, Hans Arp, yang bermula sebagai sebahagian daripada ahli gerakan Dadaisme, dikenali dengan objek biomorfiknya. Kepingan-kepingan oppenheim adalah kombinasi aneh yang mengeluarkan benda-benda biasa dari konteksnya asalnya. Sementara karya Alberto Giacometti adalah bentuk arca yang lebih tradisional, kebanyakannya adalah hibrid dari manusia-serangga. Salvadore Dalí, yang kurang dikenali dengan karya 3D juga menghasilkan

beberapa seni pemasangan yang menarik, terutamanya, *Rainy Taxi* (1938), yang merupakan karya pemasangan kereta dengan patung mannequins dan satu siri paip yang menghasilkan kesan hujan di dalam kereta (Contributors, 2018).

iii. **Fotografi Surrealisme**

Kemudahan membolehkan artis menghasilkan imej yang luar biasa, fotografi memainkan peranan penting dalam aliran surrealisme. Artis seperti Man Ray dan Maurice Tabard menggunakan medium ini untuk mengeksplorasi penulisan automatik, menggunakan teknik Pendedahan Berganda (*Double Exposure*), Cetakan gabungan, Montaj dan *Solarization*. Jurugambar lain menggunakan putaran (*Rotation*) atau penyelewengan (*Distortion*) untuk menjadikan imej-imej pelik.

Ahli surrealisme juga menghargai gambar yang dikeluarkan dari konteksnya yang biasa dan dilihat melalui sudut pandangan ahli Surrealisme. Sebagai contoh, mereka berminat dengan gambar-gambar dari jurugambar Eugène Atget di Paris, yang diterbitkan pada tahun 1926 di dalam majalah 'La Révolution surréaliste'. Man Ray menggambarkan imejan Eugène Atget iaitu kota Paris yang kosong difahami sebagai visi impulsif. Foto Atget di jalanan kosong dan tingkap kedai mengimbas kembali visi ahli Surrealisme Paris sebagai sebuah pusat kota idaman (Contributors, 2018).

iv. Filem Surrealisme

Surrealisme adalah pergerakan artistik pertama untuk bereksperimen dengan panggung wayang kerana menawarkan lebih banyak peluang daripada teater untuk mencipta imejan pelik atau yang tidak benar. Filem pertama yang bercirikan surrealisme adalah 'Entr'acte' pada 1924, sebuah filem tanpa audio berdurasi 22 minit yang ditulis oleh Rene Clair dan Francis Picabia dan diarahkan oleh Clair.

Antara ahli filem Surrealisme yang paling terkenal ialah Luis Buñuel. Semasa bekerja dengan Salvadore Dalí, Buñuel membuat filem-filem klasik 'Un Chien Andalou' (1929) dan 'L'Age d'Or' (1930), yang kedua-duanya disifatkan sebagai surrealisme dengan imejan-imejan imaginasi mereka yang mengganggu audien. Pada tahun 1930-an, Joseph Cornell menghasilkan filem surrealisme di Amerika Syarikat, contohnya 'Rose Hobart' (1936). Salvador Dalí merancang babak mimpi untuk filem Alfred Hitchcock 'Spellbound' (1945) (Contributors, 2018).

2.2.2 Seni Video

Genre seni video ialah salah satu seni kontemporari dan medium ekspresi yang kebiasaannya dilihat sebagai instalasi ataupun platform yang berdiri sendiri. Dimulakan oleh artis eksperimental seperti Andy Warhol, Wolf Vostell, dan Nam June Paik, kemajuan teknologi masa kini membolehkan artis menyunting dan memanipulasi filem atau video secara tidak langsung telah membuka ruang kreativiti sekaligus menarik lagi ramai artis untuk masuk ke genre ini. Teori dan praktikal kepada seni video kini diajar sebagai subjek minor di beberapa institut

seni terbaik di Amerika Syarikat dan dipamerkan di galeri-galeri kontemporari terhebat.

Menurut Comer, artis telah menggunakan kamera, skrin, dan alat-alat seperti projektor, filem Super-8, 16mm dan 35mm, monitor, video di atas skrin pelbagai hinggalah ke alat elektronik mudah alih untuk menghasilkan video berdurasi 1 minit, sepanjang durasi 60 minit hinggalah video atas talian secara langsung. Artis telah menggunakan visual bergerak sebagai alatan dan media untuk mereka menghasilkan karya dan menyampaikan mesej (Comer, 2009).

a. Konsep dan karakteristik

Sejarahnya, seni video diiktiraf sebagai satu aliran adalah diasaskan oleh ahli muzik korea, Nam June Paik dimana pada tahun 1965, menggunakan alat rakaman video mudah alih pertama dari Sony, Nam Jun Paik telah menghasilkan seni video muzikal sementara Andy Warhol menghasilkan video dengan format 8mm dan 16mm di dalam studio beliau.

Seni video kebiasaannya ditunjukkan dalam beberapa jenis iaitu satu siaran, pelbagai siaran dan pemasangan. Di dalam video satu saluran, video dipaparkan atas skrin, menggunakan projektor atau siri-siri gambar. Manakala video pemasangan pula kebiasaannya terdiri daripada persekitaran yang terdiri daripada beberapa video yang dipaparkan secara serentak, ataupun kombinasi video dengan asemblaj atau seni persembahan. Pada masa ini, terdapat dua jenis seni video yang sering digunakan oleh pengkarya iaitu seni video arca dan seni video pemasangan.

i. Video Pemasangan

Sehingga hari ini, artis seni pemasangan sadar yang karya mereka saling berkait antara mereka, persembahan dan kawasan sekeliling menjadi sebahagian daripada karya tersebut. Konteks pada artis pemasangan adalah paling utama dan mereka mencuba untuk mengawal konteks dengan menggunakan sepenuhnya kawasan untuk menghasilkan karya (Rush, M. 1999).

Seperti karya seni pemasangan yang lain, seni video pemasangan meningkatkan proses kreatif keluar dari studio kepada ruang sosial. Jika masa dapat dimanipulasi dalam ruang video satu saluran, kemungkinan akan meningkat di dalam video pemasangan yang menggunakan beberapa monitor, projektor atau beberapa pita rakaman dimana ia meningkatkan imejan.

Seni video pemasangan adalah seni video yang paling banyak digunakan kerana menjadi sebahagian daripada fesyen multimedia dengan menggabungkan arkitekstur, rekaan, arca, elektronik dan seni digital. Kemajuan terkini termasuklah penggunaan internet dan seni komputer untuk memanipulasi filem gambar dan mengawal video daripada laman sesawang atau dari jarak jauh.

ii. Video Pelbagai Saluran

Karya seni video pelbagai saluran (*Multi-channel Video*) ialah karya seni video yang menggunakan beberapa monitor atau skrin. Contohnya, karya ‘Wipe Cycle’ (1969) iaitu karya daripada artis Ira